

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu keselamatan pelayaran di perairan negara. Tindakan-tindakan yang sewajarnya, termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan, sentiasa diambil bagi memastikan keselamatan pelayaran sentiasa terpelihara.

3. Isu keselamatan di Laut Sulu memerlukan kerjasama negara-negara jiran iaitu Filipina dan Indonesia. Sehubungan ini, Malaysia dan kedua-dua negara berkenaan sedang dalam proses merundingkan jaringan kerjasama yang bersesuaian bagi menangani permasalahan tersebut.

4. Pada 14 Julai 2016, ketiga-tiga negara telah menandatangani *Framework on Trilateral Cooperative Arrangement Indonesia-Malaysia-the Philippines on Immediate Measures to Address Security Issues in the Maritime Areas of Common Concern*. Sehingga kini, dua (2) SOP di bawah *Framework* ini telah dimuktamadkan iaitu *Operating Guidelines on Information and Intelligence Sharing*; dan *Combined Communication Plan*. Ketiga-tiga negara masih dalam proses untuk memuktamadkan SOP *Maritime Patrol and Rendering Immediate Assistance*. Ini adalah susulan kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri dan Panglima-Panglima

Angkatan Tentera Malaysia, Indonesia dan Filipina Mengenai Isu Keselamatan Di Perairan Ketiga-Tiga Negara yang telah diadakan di Jogjakarta, Indonesia pada 5 Mei 2016.

5. Kerajaan berharap agar melalui usaha kerjasama tiga negara ini, keselamatan dan kestabilan pelayaran di Laut Sulu dapat dikekalkan dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran ekonomi di kawasan terbabit.

Sekian, terima kasih.